

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 4 April 2017

SOALAN

Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kedudukan terkini tentang isu keselamatan kanak-kanak yang membimbangkan di negara ini serta usaha bagi mengatasinya.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dan memandang serius mengenai keselamatan kanak-kanak di negara ini. Dari perspektif Kementerian, aspek keselamatan kanak-kanak yang diberi perhatian adalah kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di bawah Seksyen 17, Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016. Seksyen ini menakrifkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan adalah seperti berikut: i) Didera dari aspek fizikal, emosi, penganiayaan seks oleh ibu bapa atau penjaga; ii) Akan didera dari segi fizikal atau dicedera dari segi emosi atau dianiaya dari segi seks; iii) Ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tidak layak, atau telah mengabaikan atau tidak berupaya atau bertindak secara cuai dalam menjalankan pengawasan dan pengawalan; iv) Ibu bapa atau penjaga kanak-kanak telah mengabaikan atau keberatan untuk mengadakan pemeliharaan, makanan pakaian dan tempat berteduh yang mencukupi untuk kanak-kanak; v) Kanak-kanak yang tiada ibu bapa atau penjaga dan juga yang telah dibuang oleh ibu bapa; vi) Kanak-kanak yang terlibat dengan pengemisan, menjalankan penjajaan atau sebarang aktiviti yang mendatangkan kemudarat dan kebajikan kanak-kanak tersebut; dan vii) Kanak-kanak menjalankan apa-apa aktiviti lain yang menyalahi undang-undang. Tuan Yang Dipertua, Bagi meningkatkan tahap keselamatan kanak-kanak, Kementerian telah mengambil langkah meminda Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] dengan menambah baik peruntukan sedia ada serta mengadakan peruntukan-peruntukan baru. Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 telah diluluskan dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2017. Pindaan terhadap Akta 611 ini telah melibatkan pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta kanak-kanak. Antara penambahbaikan dan pembaharuan akta ini adalah meningkatkan pemerkasaan komuniti yang menghendaki orang awam untuk melaporkan apa-apa kejadian yang disyaki mendera, abai dan sebagainya melalui pelantikan Pembantu Pelindung di bawah Seksyen 8A. Perkhidmatan komuniti turut diperkasakan melalui penstrukturran semula Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan penubuhan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak yang berfungsi menyelaraskan perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan dan pemulihan. Selain daripada itu, pindaan ini juga turut meningkatkan hukuman denda dan pemenjaraan sedia ada di bawah Seksyen 31, 32 dan 33 serta memasukkan khidmat masyarakat (community service) sebagai hukuman tambahan mandatori yang perlu memenuhi elemen hukuman, pengajaran, pemulihan dan penginsafan. Kesalahan-kesalahan yang terlibat dalam kenaikan penalti adalah : (a) Penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak; (b) Menyebabkan atau mengakibatkan kanak-kanak untuk mengemis, menerima sedekah, menjaja atau menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan (c) Membiarkan kanak-kanak tanpa pengawasan yang berpatutan. Bagi memastikan keselamatan kanak-kanak terus dipertingkatkan, Kerajaan juga menyediakan satu pangkalan data yang dikenali sebagai Daftar Kanak-Kanak yang diperluaskan penggunaannya. Daftar ini mengandungi semua maklumat berkenaan butir-butir orang yang disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Maklumat di dalam daftar ini digunakan bagi melindungi kanak-kanak termasuk memberi perkhidmatan yang bersesuaian kepada mereka. Secara dasarnya, daftar ini disimpan sebagai saringan bagi mereka yang berurusan atau mengendalikan kanak-kanak selain daripada perlindungan kepada mangsa dan meningkatkan keselamatan kanak-kanak secara keseluruhannya.

